



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 OGOS 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Rujuk Sultan Pindaan Enakmen akan dibincang secara teliti 29

Harian Metro

- Selangor teliti kertas pembentangan usul pindaan tukar agama bawah umur 14



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 OGOS 2019 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Rujuk Sultan Pindaan Enakmen akan dibincang secara teliti
Muka Surat	29

Sinar NEGERI Tengah

Rujuk Sultan

SH 13/8/19 ms 29

Pindaan enakmen akan dibincang secara teliti

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) membabitkan penafsiran berkaitan *Perlembagaan Persekutuan* akan dibincangkan secara terperinci.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga sedang meneliti kembali pembentangan kertas tersebut.

Beliau berkata, pihaknya juga akan merujuk Sultan Sharafuddin selepas perundingan dengan se-

mua pimpinan parti di Selangor berhubung perkara itu.

"Ini adalah perdebatan perundangan dan ada beberapa pendapat yang perlu dilihat secara keseluruhan.

"Kita lihat keseluruhan semangat yang ada dalam perlembagaan dan niat terhadap pindaan itu," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor semalam.

Khamis lalu, pimpinan Pakatan Harapan (PH) Selangor sebulat suara menyatakan sokongan terhadap pimpinan Amirudin sebagai Menteri Besar sekali gus menafikan wujud gerakan untuk menyingkirkan beliau melalui undi tidak percaya.

Desas-desus mengenai perkara itu tercetus apabila Amirudin dikatakan cuba membawa usul pindaan enakmen tersebut

namun mendapat tentangan daripada pimpinan DAP.

Ketika ditanya mengapa isu tersebut dibangkitkan ketika pentadbiran beliau Amirudin berkata, terdapat beberapa penyusunan semula daripada pihak berkuasa agama.

"Jadi kita akan bincangkan perkara ini dengan teliti dan apabila dah buat keputusan, baru kita akan fikirkan langkah-langkah seterusnya," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, beliau juga perlu merujuk kembali empat Exco yang menghadap Sultan Selangor pada Khamis lalu bagi meneliti semula intipati pertemuan tersebut.

"Saya tak terlibat dalam pertemuan itu jadi saya harus merujuk kembali empat Exco terbabit. Sekarang cuti dan saya harus teliti semula berkaitan perbincangan itu," katanya.



Amirudin beramah mesra bersama tetamu sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha semalam.



UNIVERSITI MALAYA
PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN

MOHON SEKARANG!
AMBILAN SEPTEMBER 2019
KINI DIBUKA

DIPLOMA EKSEKUTIF

SYARAT KEMASUKAN

- 3 kredit SPM sahaja / Sijil APEL
- Pengalaman kerja TIDAK diperlukan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 OGOS 2019 (SELASA)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Selangor teliti kertas pembentangan usul pindaan tukar agama bawah umur
Muka Surat	14

Selangor teliti kertas pembentangan usul pindaan tukar agama bawah umur

Shah Alam: Perbincangan teliti berhubung usul pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) dalam pemukaran agama bawah umur secara sepihak akan diadakan sebelum dibentangkan semula.

Menteri Besar Amirudin Shari berkata, ini berikutan perkara berkenaan memabitkan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sedang meneliti kertas pembentangan itu.

"Saya akan rujuk semula kepada Baginda selepas run-

dingan bersama semua ketua parti selesai termasuk di peringkat Persekutuan.

"Kami berbincang mengenai perkara ini dengan teliti kerana ia adalah rancangan serta aturan pihak berkuasa agama dan buat masa ini semua sedang berbincang mengenainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Adha 2019 di kediaman rasmi Menteri Besar, semalam.

Beliau berkata, selepas perbincangan selesai, pihaknya akan memikirkan langkah seterusnya terma-

suk tarikh perkara itu akan dibentangkan.

"Sudah menjadi kelaziman Baginda Sultan Selangor meneliti serta mendengar pandangan daripada beberapa pihak dan bukan disebabkan oleh pertemuan dengan empat Exco sebelum ini," katanya.

Katanya, perkara berkenaan perlu dibincangkan dalam lingkungan rangka perlembagaan dan sudah pasti pihaknya juga mahu mengikut rangka undang-undang dan perlembagaan.

"Ada beberapa pandangan serta penafsiran terhadap

enakmen ini. Justeru, kerangka itu akan kita lihat secara keseluruhan dan bukan hanya soal ibu dan bapa, tetapi semangat yang ada dalam perlembagaan serta niat terhadap pindaan.

"Ada baiknya tidak dibentangkan hari itu (sidang DUN) kerana ia memberi ruang untuk kita berbincang secara terperinci mengenai isu ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, beliau akan merujuk kepada empat Exco yang menghadap Sultan Selangor, Khamis lalu kerana tidak terabit dalam pertemuan berkenaan.

Puas hati kertas kerja

Georgetown: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpuas hati dengan penyediaan kertas kerja pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kertas kerja itu kini di peringkat akhir dan dijangka dibentangkan kepada Kabinet dalam tempoh terdekat.

"Dalam proses akhir ini, kita sedang membangunkan kriteria kumpulan sasaran yang dise-

mak melalui data Bantuan Sara Hidup, data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), selain turut merujuk Bank Negara.

"Selepas ia selesai, kertas kerja itu akan dibentangkan dan jika tiada pindaan, keputusan akan terus diumumkan kepada awam.

"Setakat kerja-kerja awal ini saya sangat berpuas hati, cuma garis masa yang ditetapkan lari sikit dan ia sepatutnya siap pada suku kedua tahun ini," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 8 OGOS 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Whatsapp Aduan
Muka Surat	18

■ KEADAAN jalan tidak rata di sepanjang laluan AU3 Keramat boleh menyebabkan kemalangan dan kerosakan pada kenderaan. Pihak pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya diminta prihatin untuk ambil tindakan bagi memudahkan kami penduduk setempat. >HAKEEM ROSLI
Kosmo 8/8/19 MSB